



**PEJABAT PENGARAH WILAYAH,
PEJABAT LAUT WILAYAH TIMUR,
JALAN HILIRAN,
20300 KUALA TERENGGANU.
TERENGGANU DARUL IMAN**

Fax : 09-6233676
Telephone : 09-6221471/ 9473/ 9478
Kawat :
E-mail : pgrht@jlsmp.po.my

PEKELILING PELABUHAN BIL. (77)DLM.JLTW.15/69 JLD. 2

DARIPADA : Pengarah Laut Wilayah Timur
KEPADA : Masyarakat Perkapalan, Nelayan dan Pengusaha Bot
TARIKH : 17 Oktober 1998

PERSIAPAN MENGHADAPI MUSIN TENGGUJUH

Sukacita diingatkan kepada seluruh masyarakat perkapalan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia supaya berhati-hati dan berwaspada dalam menghadapi musim tengkujuh tahun ini.

2. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian sewajarnya.

2.1 Keadaan laut bergelora, angin kencang dan hujan lebat:

Kesan terhadap bot jika berlaku laut bergelora, angin kencang dan hujan lebat:-

- Kadar olegan yang kerap dan kuat.
- Menimbulkan keadaan stabiliti bot tidak stabil.
- Jarak penglihatan/kenampakan yang terhad.

Tindakan/Nasihat kepada nakhoda:

- Belayar dengankelajuan yang selamat.
- Menambah petugas peninjauan (lookout).
- Memperkemaskan kedudukan peralatan yang mudah bergerak.

2.2 Kedudukan alur-alur pelayaran dan kekuatan aras sungai:

Kesan terhadap bot jika berlaku perubahan alur pelayaran dan kekuatan arus meningkat:-

- Alur pelayaran di kawasan muara sungai berkemungkinan berubah.
- Kekuatan arus mungkin bertambah.
- Perubahan alur akan menyulitkan bot yang keluar/masuk kuala.

Tindakan/Nasihat kepada nakhoda:

- Dapatkan perkhidmatan Malim-Malim tempatan yang berkeelayakan dan berpengalaman bagi mengenalpasti alur pelayaran yang selamat.
- Operasi keluar/masuk muara sungai hendaklah dilakukan pada waktu tertentu sahaja dan apabila keadaan laut mengizinkan.
- Nakhoda haruslah mencari tempat berlabuh yang terlindung dan berjauhan sedikit dari muara sungai.
- Jika diizinkan masuk ke pelabuhan yang telah dikenalpasti mempunyai alur pelayaran yang selamat.

2.3 Alat-alat bantuan pelayaran:

Kewujudan alat bantuan pelayaran dan keberkesanannya terhadap bot:-

- Risiko berlaku kerosakan pada alat bantuan pelayaran seperti lampu matarah padam dan boya dihanyutkan/dipukul ombak.
- Bot akan kehilangan pedoman/arah tuju.

Tindakan/Nasihat kepada nakhoda:

- Memastikan **KOMPAS** dan **RADAR** bot berada dalam keadaan baik dan berfungsi.
- Menentukan kedudukan (posisi) bot dengan kekerapan berencana.
- Sentiasa menghubungi pengkalan perihal kedudukan terkini bot.

2.4 Penyediaan bahan keperluan kapal:

Tanpa penyediaan bahan keperluan dan kesan terhadap bot:

- Kemungkinan berlaku kekurangan bahan keperluan disebabkan:-

Jangka waktu menunggu/berlindung di mana-mana pulau sehingga keadaan laut reda mungkin berlarutan.

Keadaan cuaca mungkin tidak mengizinkan kapal/bot yang membawa bantuan bekalan untuk keluar pengkalan atau tergendala si perjalanan.

Tindakan/Nasihat kepada nakhoda:

- Elakkan dari berlaku kekurangan bekalan.
- Menyediakan bahan-bahan keperluan yang mencukupi dari hari-hari kebiasaan.
- Mengadakan catuan makanan/bekalan lebih awal.

2.5 Penumpang/kargo berlebihan:

Jika membawa penumpang/kargo berlebihan dan kesan terhadap bot:

- Memungkinkan berlaku efek negatif ke atas kestabilan bot.
- Membawa penumpang/muatan yang berlebihan dari hadnya, adalah satu kesalahan.

Tindakan/Nasihat kepada nakhoda:

- Sebelum belayar tentukan semua alat-alat keselamatan dalam keadaan baik dan keselamatan yang mencukupi.
- Alat keselamatan hendaklah ditempatkan di lokasi yang mudah didatangi apabila diperlukan serta-merta.
- Mendapatkan senarai penumpang yang lengkap dengan butiran peribadi.
- Sentiasa berhati-hati dalam pelayaran.

2.6 Kerjasama penumpang:

Tanpa kerjasama dari penumpang dan kesan terhadap bot:-

- Memungkinkan berlaku efek negatif ke atas kestabilan bot disebabkan berlebihan penumpang dan pengagihan berat yang tidak seimbang.
- Langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya tidak dapat dijalankan dengan sempurna disebabkan kekurangan jumlah alat keselamatan.
- Penumpang yang berlebihan boleh menimbulkan situasi panik jika berlaku kecemasan.

Tindakan/Nasihat kepada nakhoda:

- Memastikan penumpang tidak menaiki bot yang telah mencukupi had muatan.
- Dapatkan butiran peribadi penumpang dan minta kerjasama bagi mematuhi arahan yang diberikan.
- Menangguh pelayaran sehingga keadaan mengizinkan seraya menerangkannya kepada penumpang.

2.7 Bot-bot beroperasi ke pulau-pulau:

Dinasihati supaya menangguhkan perkhidmatan pada waktu cuaca buruk sepanjang musim tengkujuh ini.

- Dengan ini, **Surat Pengecualian Pemandu Bot** yang dikeluarkan oleh jabatan ini adalah terbatal.

2.8 Pengumuman radio/televisyen:

- Sentiasa mengamati pengumuman berhubung keadaan cuaca melalui siaran/televisyen dari masa ke semasa.

2.9 Menghubungi Pusat Penyelarasan Mencari dan Menyelamat Maritim (MRCC)

Mana-mana pihak yang sedang menghadapi kecemasan dan memerlukan bantuan segera alahan diminta menghubungi:

MRCC Pelabuhan Klang	Telefon	:	03-3670530/3686616 Sam. 240
	Telex	:	LAUT MA 39748
	Telefax	:	603-3671334
	Radio	:	HF 8124KHz, 2182KHz Dan 6313KHz

Nama Panggilan Radio : **LIMA KELANG**

MRSC Kuala Terengganu Telefon : 09-6221471/6239923
Telefax : 09-6233676
Radio : HF 8124KHz

Nama Panggilan Radio : **LIMA**

TERENGGANU

3. Perhatian dan kerjasama daripada seluruh masyarakat perkapalan amatlah diharapkan untuk mengelakkan sebarang kemalangan yang tidak dingini berlaku sepanjang musim ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD NORDIN BIN IBRAHIM)

b.p. Pengarah Laut Wilayah Timur
Kuala Terengganu.

s.k :

Semua TPP Wilayah Timur.